



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA DI UTC IPOH, PERAK

IPOH, 27 Oktober 2025 – YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA Ipoh bertempat di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Ipoh, Perak pada pagi ini.

Pusat Temu Duga (PTD) SPA Ipoh mula beroperasi di UTC Ipoh sejak tahun 2016 di lot asal bernombor 29 dan 31. Namun, pada 16 Disember 2023 Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) agar ruang di UTC disusun semula bagi menambah keselesaan pengunjung serta meningkatkan kecekapan operasi agensi kerajaan. Susulan itu, kerja-kerja pengubahsuaian bagi lot baharu PTD SPA telah bermula pada 13 Disember 2024 dan siap sepenuhnya pada 30 Mac 2025. PTD SPA Ipoh mula beroperasi secara rasmi di lokasi baharu **di Lot 42 dan 43, Aras 3, UTC Ipoh** mulai **14 April 2025**.

Pusat temu duga ini menyediakan kemudahan temu duga yang lebih kondusif dan profesional kepada calon-calon dari seluruh negeri Perak serta dilengkapi dengan ruang temu duga, ruang menunggu, bilik rehat panel temu duga dan kemudahan tambahan lain bagi memastikan pengalaman temu duga yang lebih selesa dan efisien. Selain menjadi lokasi temu duga diadakan, pusat temu duga ini juga menyediakan kemudahan internet kepada calon untuk menduduki Penilaian Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) - Ujian Psikometrik, konsultasi berkaitan Sistem

Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9), konsultasi pengambilan ke perkhidmatan awam dan pelbagai lagi.

Penganjuran majlis perasmian ini diadakan bertujuan menandakan pelancaran rasmi PTD SPA Ipoh di lokasi baharu. Selain itu, ia juga menjadi platform pemakluman kepada calon-calon di negeri Perak serta penghargaan kepada rakan-rakan strategik yang terlibat dalam proses pemindahan dan penyediaan infrastruktur. Ia juga berperanan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang fungsi dan peranan SPA dalam melaksanakan urusan pengambilan ke perkhidmatan awam selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Pemindahan PTD SPA ke lokasi baharu ini mencerminkan komitmen berterusan Suruhanjaya untuk meningkatkan kecekapan proses pengambilan pegawai awam dan memastikan keselesaan calon semasa menghadiri temu duga. Ia juga menzahirkan usaha SPA memperkukuh jaringan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan menyediakan kemudahan kerajaan yang mudah diakses, selesa dan inklusif.

Orang ramai dan calon-calon pemohon pekerjaan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang ditawarkan di Pusat Temu Duga SPA Ipoh boleh melayari laman sesawang rasmi SPA di <https://spa.gov.my> atau menghubungi talian **05-246 1568**. Orang ramai juga boleh menempah slot janji temu melalui **Pusat Temu Duga Plus (PTD PLUS)** di pautan <https://janjitemu.spa.gov.my> bagi urusan pendaftaran pekerjaan, semakan status permohonan SPA9, serta konsultasi urusan pengambilan ke perkhidmatan awam.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
27 OKTOBER 2025